

## UDA rugi sewa RM25j setahun

By FAYAZ AL-BAQI

**KUALA LUMPUR** – Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) mahukan jaminan bahawa perniagaan Bumiputera di Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) tidak akan terjejas ekoran pembinaan stesen bawah tanah, My Rapid Transit yang dibangunkan oleh MRT Corp Bhd. (MRT Corp).



BB Plaza

• Bukit Bintang Plaza akan dibina sebagai stesen MRT Corp yang akan beroperasi pada tahun 2013.  
• DPMM mahukan jaminan bahawa perniagaan Bumiputera di BB Plaza tidak akan terjejas ekoran pembinaan stesen bawah tanah.  
• MRT Corp akan membina stesen MRT Corp di BB Plaza yang akan beroperasi pada tahun 2013.  
• DPMM mahukan jaminan bahawa perniagaan Bumiputera di BB Plaza tidak akan terjejas ekoran pembinaan stesen bawah tanah.

KERATAN Kosmo! 7 Jun 2012.

# DPMM mahu bincang dengan MRT Corp

**KUALA LUMPUR** – Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) mahukan jaminan bahawa perniagaan Bumiputera di Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) tidak akan terjejas ekoran pembinaan stesen bawah tanah, My Rapid Transit yang dibangunkan oleh MRT Corp Bhd. (MRT Corp).

Dalam membuat gesaan itu, Setiausaha Agung DPMM, Hanafee Yusoff berkata, dewan itu akan melihat beberapa opsiyen sama ada peniaga kekal di situ, berpindah ke bangunan lain milik Uda Holdings atau membeli bahagian tertentu aset (BB Plaza).

“Sekiranya tiada opsiyen, barulah DPMM akan melihat apa yang mereka (MRT Corp) akan tawarkan,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

MRT Corp merancang untuk mengambil alih tanah depan BB Plaza milik Uda Holdings dan bersebelahan bangunan Yayasan Selangor dengan melibatkan paras bawah kedua-dua bangunan itu untuk memulakan kerja membina stesen bawah tanah yang merupakan sebahagian daripada 13 stesen yang akan dibina bagi laluan MRT Sungai Buloh-Kajang sepanjang 51 kilometer.

Jika pengambilalihan BB Plaza berjaya, 150 peruncit Bumiputera mungkin perlu berpindah tahun depan.

“Kami berharap dapat berbincang dengan MRT Corp, Uda Holdings atau Kementerian Kewangan secepat mungkin,” kata Hanafee.

Dilaporkan baru-baru ini bahawa Uda Holdings mungkin meminta pampasan RM474 juta daripada MRT Corp jika ia perlu melepaskan BB Plaza.

Sementara itu, MRT Corp berkata, pembangunan semula gedung yang dibina pada 1970 itu akan menyediakan peluang untuk meningkatkan agenda Bumiputera.

Terdahulu, ia membayar Uda Holdings RM80 juta bagi membeli UO Superstore dan Plaza Warisan di sini iaitu RM40 juta di bawah harga pasaran untuk membina stesen MRT di tapak berkenaan. – Bernama